



جابتني أخاً إسلام فيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(62)

Tarikh: 28 Zulhijah 1446H
25 Jun 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	27 Jun 2025 / 1 Muharam 1447
Tajuk	Hijrah dan Kelestarian Menyatukan Ummah Memulihara Alam

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)
Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

“PERAK SEJAHTERA 2030”



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"HIJRAH DAN KELESTARIAN: MENYATUKAN UMMAH – MEMULIHARA ALAM"

27 Jun 2025 / 1 Muharam 1447

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللّٰهِ شَهِيدًا. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْهِ يَوْمَ الدِّينِ. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ³ أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّاهُ يُبْتَقَوْيَ اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT. Sesungguhnya takwa menjadi benteng utama dalam kehidupan, takwa berupaya mengawal akal, hati, emosi dan tingkah laku agar sentiasa berada di landasan yang mendapat keredaan Ilahi. Bersempena sambutan Tahun Baharu 1447 Hijrah, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"HIJRAH DAN KELESTARIAN: MENYATUKAN UMMAH – MEMULIHARA ALAM"

Firman Allah SWT melalui ayat 56 surah Al-A'raf:

﴿وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَأَدْعُوهُ خَوْفًا وَطَمْعًا إِنَّ رَحْمَةَ اللّٰهِ قَرِيبٌ مِّنَ﴾

﴿الْمُحْسِنِينَ ﴾٥٦﴾

Bermaksud: "Dan janganlah pula kamu melakukan kerosakan di atas muka bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoalah kepada Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan dengan perasaan berharap (supaya dimakbulkan). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat dengan orang yang memperbaiki amalannya".

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Penghijrahan Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah merupakan peristiwa amat bersejarah yang berjaya melonjakkan keagungan Islam. Peristiwa tersebut mencetuskan suatu anjakan perubahan yang menyeluruh dalam tata urus kehidupan insan, tidak terbatas kepada hubungan makhluk dengan Penciptanya, tetapi merangkumi soal hidup bermasyarakat, hubungan sesama insan, dan hubungan insan dengan makhluk lain, juga hubungan insan dengan alam sekitar yang luas; dengan keinsafan bahawa setiap kehidupan, makhluk dan alam, dicipta oleh Ilahi yang membuktikan kebesaran Nya.

Hijrah hendaklah dijadikan pengajaran untuk ummah menyemai semangat berusaha meningkatkan nilai-nilai kebaikan, di samping berazam meninggalkan tabiat buruk dan perbuatan mungkar, yang mengundang kemurkaan Allah SWT, bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW:

وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَىَ اللَّهُ عَنْهُ

Bermaksud: Orang yang berhijrah itu apabila dia berhijrah meninggalkan perkara yang dilarang oleh Allah. (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Jemaah yang dimuliakan,

Negeri Perak Darul Ridzuan memilih tema “HIJRAH DAN KELESTARIAN: MENYATUKAN UMMAH MEMULIHARA ALAM” sebagai tema sambutan Maal Hijrah 1447. Tema tersebut dipilih atas kesedaran bahawa bumi ini, yang akan diwariskan kepada generasi baharu, sedang menunjukkan tanda-tanda keuzuran, dengan semakin kerap berlakunya bencana alam, seperti gempa bumi, tanah runtuh, ketidaktentuan iklim, peningkatan suhu, kebakaran besar-besaran, banjir besar serta pelbagai musibah lain yang menyebabkan kemasuhan harta dan terkorbannya nyawa.

Dunia yang semakin kerap dilanda pelbagai bencana, semakin pula mengancam kelestarian alam dan menjelaskan kesejahteraan hidup insan. Manusia sewajibnya sedar dengan ancaman yang sedang berlaku terhadap alam.



Islam sebagai agama yang syumul, sangat mementingkan perlindungan terhadap alam sekitar dan mentakrifkan usaha memulihara alam sekitar sebagai ibadah.

Allah SWT memerintahkan manusia untuk memulihara alam dan seisinya kerana jika alam disakiti, manusia sebenarnya telah melakukan fasad (atau kerosakan) terhadap makhluk ciptaan dan milik Ilahi. Memulihara alam sekitar ialah sebahagian daripada amanah Allah SWT, dan merupakan tanggungjawab fardu kifayah yang wajib didukung oleh manusia.

Berpandukan ayat 56, Surah Al-Araf yang khatib baca pada awal khutbah, Allah memerintah manusia, tidak melakukan kerosakan di atas muka bumi ciptaan Ilahi yang telah menyediakan segala kebaikan dan diatur secara harmoni. Mimbar memperingatkan jemaah akan empat perkara berikut:

Pertama: Larangan melakukan kerosakan terhadap alam merupakan perintah Allah SWT. Islam memandang perbuatan mencemari alam sehingga mengakibatkan kesengsaraan kehidupan makhluk, sebagai perlakuan dosa, dan pelakunya telah mengundang amarah kerana ingkar perintah Allah Azza Wajalla.

Kedua: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam tidak sekadar mengajar ibadah berbentuk ritual dalam agama. Baginda turut mengingatkan, bahawa manusia dan alam mempunyai hubung kait yang erat, lalu menegaskan pentingnya mengimbangi dan menjaga hubungan harmoni antara manusia dengan makhluk lain ciptaan Ilahi, merangkumi sumber alam seperti udara, air, laut, sungai, gunung, bukit dan gua, tumbuh-tumbuhan, haiwan, unggas dan penghidupan di air dan di lautan yang tiap satunya berkongsi berada di bumi yang sama dalam semangat saling mengimbangi. Pencabulan yang dilakukan terhadap mana-mana makhluk dan kehidupan, akan menjelaskan keharmonian alam, menyebabkan berlaku ketidakseimbangan dan terjejasnya proses kitaran hidup alam semula jadi.

Ketiga: Bencana yang semakin merosakkan alam ini berpunca daripada perbuatan manusia yang kufur, manusia yang melampaui batas, manusia yang melanggar perintah Ilahi, manusia yang tiada perasaan kemanusiaan kerana didorong sifat bakhil, tamak dan haloba, manusia yang hanya mementingkan



keuntungan diri dan keuntungan dunia, lalu tergamak hati bersifat zalim, mencabuli hak makhluk dan kehidupan lain.

Keempat: Bumi ini ialah tempat tinggal sementara yang dipinjamkan oleh Allah SWT kepada manusia sebelum manusia berpindah ke alam barzakh. Bumi ini diamanahkan kepada manusia sebagai khalifah untuk mengurus tadbirnya secara adil tanpa melakukan kerosakan. Penuhi amanah tersebut dengan penuh rasa bertanggungjawab, bertakwa dan bersifat ihsan.

Para tetamu rumah Allah yang dilimpahi rahmat Nya;

Sedarilah! hijrah tidak sekadar perubahan akidah terhadap ketauhidan Ilahi, tetapi turut merangkumi ibadah-ibadah lain yang lebih menyeluruh, merangkumi gaya hidup lestari yang menolak segala perbuatan yang merosakkan kehidupan serta menekankan tanggungjawab memulihara alam sekitar.

Kelestarian dalam konteks Islam turut bermaksud mensyukuri serta menghargai ciptaan Ilahi. Dalam konteks penjagaan alam, lestari membawa maksud keadaan alam sekitar yang terpelihara, seimbang dan dapat digunakan oleh generasi sekarang tanpa menjaskannya manfaat generasi akan datang. Ummah sewajibnya bersifat adil dan bersifat kemanusiaan dalam apa juga usaha pembangunan yang mahu dilaksanakan, seboleh-bolehnya, dilindungi alam semula jadi yang berharga agar tidak dicemari atau dirosaki melalui pelan kerja yang bijak lagi seimbang, demi memastikan keharmonian alam tidak dikorbankan, untuk melindungi anak cucu kita nanti daripada terpaksa membayar harga yang mahal atau menanggung sengsara disebabkan alam sekitar yang telah rosak.

Jemaah Rahimakumullah

Peristiwa hijrah mengajar kita kepada prinsip kesatuan ummah, menghapuskan permusuhan, membina masyarakat berdasarkan iman, bersifat tolak ansur dan mengambil tanggungjawab bersama. Nabi SAW menekankan kepentingan hidup berjemaah, saling membantu antara satu sama lain demi kebaikan bersama, berpandukan firman Allah SWT.;



وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ

Bermaksud: Dan hendaklah kamu tolong menolong dalam membuat kebajikan dan bertakwa.
(Surah Al-Maidah ayat 2)

Insaflah! Hijrah bukan sekadar peristiwa perubahan tempat, tetapi berlakunya perubahan cara berfikir, perubahan sikap, dan perubahan budaya mengurus kehidupan makhluk dan alam yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada manusia sebagai khalifah di bumi. Jika Rasulullah SAW dan para sahabat berhijrah untuk membina masyarakat yang lebih baik, kita juga wajib berhijrah ke arah budaya hidup lestari yang menghargai dan melindungi alam semesta daripada dimusnahkan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آئِلَّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَائِبُهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوًّا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَفْوَقَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ واجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْرَانَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! teguhkan langkah hijrah kami menuju kebaikan. Satukan hati umat Islam dalam iman dan taqwa. Ilhamkan kesedaran menjaga alam

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



sehingga kami menjadi khalifah yang memakmurkan bumi dan memuliharanya demi generasi akan datang.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhammin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا مَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.